

**RITUAL PENGKEBUMIAN MASYARAKAT
TEMIAR DARI PERSPEKTIF ETNOARKEOLOGI**

AMIR BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

RITUAL PENGKEBUMIAN MASYARAKAT TEMIAR DARI PERSPEKTIF ETNOARKEOLOGI

oleh

AMIR BIN AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2022

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah, selawat buat Nabi Muhammad SAW serta salam buat para sahabat Nabi SAW. Tesis ini tidak dapat diselesaikan tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama pelbagai pihak dan individu. Pertamanya, terima kasih kepada guru dan penyelia iaitu Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin dan Dr Hamid Mohd Isa yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, bantuan, sokongan dan keyakinan. Terima kasih juga kepada pensyarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia iaitu Al-Marhum Dr Jefri Abdullah (moga dirahmati Allah), Prof Dr Stephen Chia, Dr Velat, Dr Suresh dan yang lainnya atas khidmat nasihat dan buah fikiran. Terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli kerana memberi kebenaran untuk melakukan kajian ini. Setinggi terima kasih juga kepada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi USM atas sokongan kewangan terhadap penyelidikan ini.

Selain itu terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan PPAG USM dan rakan-rakan iaitu Al-Marhum Megat (moga dirahmati Allah), Syeh, Kak Nisa, Lin, Syue, Mira, Din Sabah, Saryulis, Chip, Latip, En. Man Darus, Fir, Jat, Talib, Abang Ikhwan, Abang Zack, Farish, Kak Wan, Amar, En Man Abdullah, Kak Normah, Kak Pah, Fad, Liyana, Sairul, En Lie Lenggong, Kak Mas, Noval, Husni, D.J., Dan, Fekah, Wandy, Asang, Faiz, Udin, Nik Ashri, Ratna, Muz, Ikan, Kenshi, Addin, Rentap, Dino, Aim, Amzari, Syamil, Adam, Lego dan lain-lain lagi yang banyak memberikan bantuan dan sokongan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada masyarakat Temiar Pos Kuala Mu yang juga merupakan intipati utama dalam kajian ini kerana sudi memberikan maklumat,

kerjasama dan pertolongan sewaktu kajian ini dijalankan. Terima kasih kepada Tatak Rafii, Tatak Hamid, Tatak Ismail, Tatak Idris, Abang Shaharuddin, Abang Zakaria, Batin Aduh dan Batin Jamal sekeluarga kerana sentiasa ada ruang di rumah kalian untuk penulis tumpang makan dan bermalam. Juga ucapan terima kasih kepada beberapa individu Temiar iaitu Abang Rozaiman, Hamali, Kak Hayati, Jajak Jarina, Jajak Juria, Tatak Kulup, Moleh, Tatak Ngah, Tatak Pandak, Jajak Rasidah, Abang Ronie, Tatak Ropli, Kak Sandiwara, Tatak Tirmizi, Tatak Alang, Abang Zani, Kodok dan lain-lain kerana sentiasa sudi memberikan banyak pertolongan.

Ucapan terima kasih juga kepada warga Sekolah Rendah Pos Kuala Mu atas bantuan, sokongan dan kerjasama yang diberikan. Terima kasih kepada Cikgu Fendi, Abang Adi, Pak Nan, Cikgu Megat Asrul, Cikgu Mizi, Cikgu Farid, Cikgu Amin, Cikgu Asnulwida, Cikgu Rahim, Kak Julia dan lain-lain lagi. Hanya tuhan yang dapat membalas budi baik kalian yang takkan mungkin penulis dapat lupakan.

Akhirnya, tesis ini didedikasikan khas buat insan istimewa dalam diam iaitu Al-Marhum ayah Ahmad Khalid yang telah pergi menemui Ilahi pada 18 Januari 2022. Terima kasih Al-Marhum ayah atas didikannya. Meskipun didikanmu agak keras dan tegas sehingga menjarakkan jurang kemesraan antara kita, namun kini aku memahami natijah kebbaikannya. Mohon maaf atas segala dosaku padamu. Segala jasa dan pengorbananmu selama ini yang membesarkanku sejak kecil, tak mungkin dapat kulupakan, tak tertulis dengan segala tinta dan tak terbayar nilai harganya. Kata-katamu akan kupegang sebagai azimat dan pedoman untuk menempuh kehidupan di hari mendatang. Moga roh Al-Marhum ayah mendapat keredhaan Allah dan tenang di kehidupan sana (Al-Fatihah). Terima kasih buat insan teristimewaku tanpa selindung iaitu emak kerana sentiasa memahami diri ini. Emak yang selalu ada,

tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun. Terima kasih emak atas sokongan, dorongan dan pembelaan. Atas segalanya!. Mohon redhanya ya emak, kerna redha Tuhanku terletak ditanganmu, emak!. Terima kasih juga kepada Hadi, Yusof, keluarga Cik Na, keluarga Cik Joe dan keluarga Pak Ngah. Al-Fatihah buat arwah *nyayi* (datuk) dan pak cik iaitu Al-Marhum Haji Hussain B. Haji Yusof, Al-Marhum Ahmad Solehin B. Haji Hussain dan Al-Marhum Hashim B. Haji Hussain. Moga kalian tenang di kehidupan sana.

Puisi di bawah ini pula didedikasikan khusus kepada guruku iaitu puisi pertama untuk Profesor Dato' Dr Mokhtar Saidin manakala puisi kedua pula untuk Dr Hamid Mohd Isa.

**Kau Guru Yang Tak Terlupakan
(Professor Dato' Dr Mokhtar Saidin)**

Waktu,
Pantas berlalu,
Tanpa seorang pun yang mengambil tahu,
Bahawa kelak kita tidakkan lagi bertemu,
Seperti mana persis suatu ketika dahulu.

Waktulah yang tidak lagi membenarkan kita,
Untuk kekal sentiasa,
Melalui segalanya bersama,
Seperti dahulu kala,
Sehingga kita harus merelakanya,
Dengan hati yang terbuka.

Waktu telah menentukan sebuah pertemuan,
Dan waktu jua lah yang kini menentukan sebuah perpisahan.

Hakikat perpisahan ini
Kadang sukar dimengerti,
Apatalagi difahami,
Tapi itulah realiti,
Yang harus dihadapi.

Pertemuan itu,
Seolahnya baru sahaja kelmarin berlaku,
Kami menemui mu,
Kemudian menyapa mu,
Dan dengan sedikit senyuman balas diwajahmu,
Kami berharap punya penerimaan di hatimu,
Agar kau menjadi guru,
Kepada kami yang serba dungu.

Dan kau pun menerimanya,
Dengan hati terbuka,
Tanpa banyak tingkah bicara,
Mencurah segala apa yang kau punya.
Untuk kami anak yang berusia muda,
Sehingga adakalanya kau sendiri pun tidak punya apa yang tersisa.

Kau adalah insan yang sering kami tuju,
Bukan sahaja untuk menimba ilmu,
Tapi juga mengadu bermacam soal, masalah dan nasib padamu,
Dan kau mendengar melayan tanpa rasa jemu,
Meski ia hanya menambah beban dibahumu,
Sehingga memunculkan lebih banyak kedutan di wajahmu.

Tapi kau tetap jua disitu,
Sentiasa membantu,
Dengan segala daya yang kau mampu,
Tanpa langsung memikirkan yang kudratmu itu,
Sudah tidak lagi seperti dahulu,
Dimamah usia waktu demi waktu.

Kami adalah muridmu,
Yang sering bertanya soal ini dan itu,
Dan kau langsung menjawabnya tanpa mengira waktu,
Meski kau sering dihambat waktu,
Tapi kau tetap membantu memberitahu,
Agar kami semua menjadi tahu.

Kau adalah seorang warganegara,
Yang tanpa banyak kata,
Lebih banyak diam kurang bicara,
Langsung terus bertindak tanpa mengira masa,
Demi menyumbang segalanya kepada anak bangsa,
Sehingga kadang kami tertanya-tanya,
Apakah kau tak pernah mengenal erti penat dan putus asa?.

Di sebalik ketegasan kepimpinanmu,
Tersembunyi empati keinsananmu,
Mendidik kami dengan sepenuh hatimu,
Kerna itu kami akan mengenangmu,
Sebagai guru yang selalu dirindu.

Kau mengajarkan sesuatu,
Yang sangat bermutu,
Agar kami ambil tahu.

Katamu,
Janganlah lakukan sesuatu kerana ku,
Lakukanlah kerana Tuhanmu,
Kerna manfaatnya akan kembali ke masyarakat di sekelilingmu,
Dan Tuhan pun akan merahmatimu.

Kata-katamu akan kami simpan
Seperti mana yang pernah kau pesan,
Katamu:
“Ingat dan pegang sampai mati, jangan sesekali pijak lapisan kebudayaan!”,
Ianya akan sentiasa dalam ingatan,
Sebagai panduan di masa hadapan.

Terima kasih untuk pesanan,
Akan peri pentingnya kata perpaduan,
Makna kesatuan,
Maksud pengorbanan,
Simbol setiakawan,
Sebagai azimat dan pedoman
Agar tidak tergelincir dari landasan perjuangan.

Etika prinsipmu menjadi teladan,
Ajaranmu menjadi pegangan,
Bimbinganmu menjadi bekalan,
Nasihatmu menjadi panduan,
Didikanmu menjadi pedoman,
Pengorbanmu menjadi ikutan,
Agar kami tidak kesesatan,
Dalam menempuh cabaran di masa depan.

Jalan yang sempak telah kau tebas,
Laluan yang sempit telah kau perluas,
Agar kami anak muda dapat berjalan tanpa terkandas.

Entah bagaimana dapat kami balas,
Untuk segala jasa bakti ikhlas,
Yang telah kau berikan tanpa sedikit pun rasa ragu dan was-was.

Kau sosok yang tak terlupakan,
Akan dikenang sepanjang zaman,
Atas pengetahuan dan pengalaman,
Kesusahan dan kepayahan,
Jasa dan pengorbanan,
Yang telah kau curahkan dengan penuh keikhlasan.

Segalanya akan tersemat di dalam ingatan,
Tersimpan dalam lipatan catatan,
Sebagai bekalan dan sisipan,
Bagi kami anak muda di masa hadapan.

Kau telah curahkan segalanya,
Ilmu yang takkan pernah terbayar harganya,
Keringat yang terlalu mahal nilainya,
Kesabaran yang tak terjemah dengan segala kata,
Ketabahan yang tak tertulis dengan segala tinta,
Kelukaan yang tak kan pernah tertutup parutnya,
Air mata yang tak terkira titisannya,
Kasih dan sayang yang meski tak terzahir secara nyata,
Namun sangat membekas untuk selamanya.

Kami,
Bukan sahaja kami,
Tapi seluruh anak bangsa ini!,
Akan selamanya terhutang pada sosok ini,
Yang telah menumpahkan segala jasa bakti
Demi arkeologi,
Di negara tercinta ini.

Terima kasih untuk ilmu dan perkongsian pengalamannya,
Terima kasih untuk bimbingan dan didikannya,
Terima kasih untuk kasih dan sayangnya,
Terima kasih guru untuk semua dan segalanya,
Hanya Tuhan yang bisa membalasnya.

Mohon maaf jua atas segala kesilapan, kesalahan dan kekhilafan,
Yang telah mengguris perasaan,
Dan kau hanya memendamnya,
Tanpa kami peduli akannya.

Kemaafanmu adalah pintu keredhaan,
Yang sangat kami pohon harapkan,
Dari awal hingga ke akhirnya.

**Dia Seorang Guru
(Dr Hamid Mohd Isa)**

Dia tidak hanya pensyarah,
Juga penyelia.

Dia lebih dari itu,
Lebih dari sekadar itu,
Lebih tinggi, lebih jauh, lebih dalam,
Dia adalah GURU.

Justeru itu,
Bukan peraturan yang menjadi sempadan,
Tidak juga undang-undang yang menjadi batasan,
Tapi kata ADAB lah yang menjadi jambatan perhubungan.

Ada suara sumbang berteriak:
"Dibelakangnya kau bersuara keras kelantangan,
Didepannya menikus ketakutan".

Apa mereka itu tidak mengetahui, memahami, menghayati,
Makna ertinya GURU dan berGURU!.

Kata hormat ini bukanlah didasari atas pangkat, darjat, posesi, kedudukan,
Tidak sama sekali!,
Tapi atas ilmu pengetahuan, pengalaman, kesusahan, kepayahan, kesabaran,
Ketabahan, kerendahan hati, ketinggian budi, peranan, jasa, sumbangan,
Yang dicari, ditempuh, dikutip, dikumpul, diamal sepanjang perjalanan hayatnya.

Dia dan sahabat-sahabatnya adalah orang-orang yang berjuang,
Orang-orang yang berkorban,
Sedang aku dan kawan-kawan hanyalah budak-budak hingusan
yang menikmati hasilnya sahaja.

Sosok ini,
Peningat, pemesan dan penyedar,
Akan peri pentingnya,
Kata bahasa, bangsa dan agama,
Bertuhan dan berfitrah.

Kau yang pernah baik, pernah mesra dan simpati kepadaku.

Terima kasih untuk segalanya,
Untuk setiap detik, saat, waktu, momennya,
Yang tak tersedar sudah 12 tahun waktunya.

Terima kasih untuk ilmunya,
Untuk Jahai, Lanoh, Batek, Kintak, Kensi, Mendrik,
Temiar, Semai, Chewong, Jah Hut, Semoq Beri, Mahmeri,
Temuan, Semelai, Jakun, Duano, Kanaq, Seletar.

Terima kasih untuk momennya
Untuk Gua Musang, Sungai Kejar, Tasik Banding, Air Banun,
Sungai Raba, Warung Pak Usop, Air Bah, Lenggong,
Gunung Ledang, Kota Tinggi, Pulau Besar, Pulau Carey,
Pulau Kalumpang, Kuala Gandah, Kuala Mu, Tanjung Belanja.

Terima kasih untuk ruang dan peluangnya
Untuk Riau, Kuala Namu, Pekan Baru, Siak, Rantau Berangin,
Muara Takus, Kampar, Ujung Batu, Tambusai, Kunto Darussalam, Rokan

Terima kasih jua untuk
Kapal terbang, awan dan langit nan biru.
Rencana Tuhan tiada siapa yang tahu.

Terima kasih tak terucap, tak terkata, tak terhingga
Atas didikan, bimbingan, tunjuk ajar, sokongan, dorongan, bantuan, pertolongan,
doa, dukungan, pembelaan.

Andailah,
Tujuh petala langit, tujuh petala bumi,
Bulan, bintang, matahari,
Dunia dan segala isi,
Di tanganku,
Takkan dapat,
Takkan pernah dapat pun,
Untuk membayar dan membalas segalanya,
Hatta sepatah kata ilmu sekalipun.

Maaf atas salah, silap dan dosanya.

Dari mu,
Tiada apa pun ku pinta, ku harap, ku pohon.
Hanya satu kata,
Kata keramat yang tidak sekadar dilafaz,
Tapi turut ditasdik di hati, qalbi, sanubari,
Itulah kata REDHA,
Redha Tuhanku terletak di tanganmu,
Redha Guru, Redha Tuhan.

Semua ini,
Kelaknya nanti,
Akan menjadi,
Sebuah kisah klasik untuk masa hadapan.

Duduk tunduk menuntut ilmu,
Mengharap REDHA dari Sang GURU,
Terima kasih atas kebaikanmu,
Mohon maaf atas kejahatanku.

Terima kasih, terima kasih, terima kasih
Maaf, maaf, maaf.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI FOTO	xxi
SENARAI PETA	xxvii
SENARAI SINGKATAN	xxviii
SENARAI LAMPIRAN	xxx
ABSTRAK	xxxi
ABSTRACT	xxxiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Masyarakat Temiar	3
1.4 Kajian Terdahulu Pengkebumian Orang Asli	10
1.4.1 Walter William Skeat & Charles Otto Blagden (1906).....	11
1.4.2 Paul Schebesta (1928)	12
1.4.3 Ivor H.N. Evans (1937)	14
1.4.4 Peter Darrell Rider Williams-Hunt (1954)	15
1.4.5 Kirk Endicott (1979).....	17
1.4.6 Muhammad Muzani Ahmad & Hamid Mohd Isa (2013).....	20
1.4.7 Geoffrey Benjamin (2014).....	22
1.4.8 Hamid Mohd Isa, Amir Ahmad & Wan Nor Hafizan (2015).....	23
1.4.9 Hamid Mohd Isa & Noorsyarmalaila Ramli (2015).....	25
1.4.10 Hamid Mohd Isa (2015)	26
1.5 Isu dan Masalah	28
1.5.1 Sebelum Pengkebumian	33
1.5.2 Penyediaan Kubur.....	35
1.5.3 Pengkebumian	36
1.5.4 Selepas Pengkebumian	38
1.6 Objektif Kajian.....	39
1.7 Kerangka Teori dan Konsep	39

1.8	Polemik Pengkebumian Prasejarah Semenanjung Malaysia	63
1.9	Temiar Sebagai Subjek Kajian Etnoarkeologi	65
1.10	Teori Hidup Mati Temiar	67
1.11	Kaedah Kajian	86
1.12	Skop Kajian	87
1.13	Organisasi Bab	88
BAB 2 PENGKEBUMIAN PRASEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA		93
2.1	Pengenalan	93
2.2	Taburan Tapak Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia	93
2.3	Pengkebumian Zaman Paleolitik	94
2.3.1	Gua Bewah, Terengganu	95
2.3.2	Gua Kajang, Perak	96
2.3.3	Gua Gunung Runtuh, Perak	98
2.3.4	Gua Kerbau, Perak	100
2.3.5	Gua Peraling, Kelantan	102
2.3.6	Gua Teluk Kelawar, Perak	104
2.3.7	Gua Chawan, Kelantan	106
2.3.8	Gua Cheroh, Perak	107
2.3.9	Gua Cha, Kelantan	108
2.3.10	Gua Bukit Chintamani, Pahang	111
2.3.11	Gua Gol Baik, Perak	112
2.4	Pengkebumian Zaman Neolitik	114
2.4.1	Tapak Terbuka Guar Kepah, Pulau Pinang	114
2.4.2	Gua Kajang, Perak	121
2.4.3	Gua Tok Bidan, Terengganu	122
2.4.4	Gua Harimau, Perak	123
2.4.5	Gua Cha, Kelantan	128
2.4.6	Gua Peraling, Kelantan	137
2.4.7	Gua Gol Baik, Perak	137
2.4.8	Gua Tok Long, Pahang	138
2.4.9	Gua Bukit Tengku Lembu, Perlis	140
2.4.10	Gua Gergasi, Bukit Besi Hangit, Perlis	141
2.4.11	Gua Rapat, Perak	141

2.4.12	Gua Bukit Chuping, Perlis.....	142
2.5	Pengkebumian Zaman Logam	144
2.5.1	Tapak Terbuka Kampung Sungai Lang, Selangor.....	144
2.5.2	Tapak Terbuka Lembah Bernam	147
2.5.3	Tapak Terbuka Kampung Pantai Ali, Terengganu.....	157
2.5.4	Tapak Terbuka Kampung Seberang Limbongan, Terengganu.....	158
2.5.5	Tapak Terbuka Kampung Gaung, Terengganu	160
2.5.6	Gua Harimau, Perak	162
2.5.7	Gua Bukit Chuping, Perlis.....	163
2.6	Pengkebumian Prasejarah Semenanjung Malaysia.....	167
2.6.1	Jenis Tapak Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia ...	168
2.6.2	Jenis Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia	168
2.6.3	Kaedah Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia	170
2.6.4	Tempat Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia	172
2.6.5	Orientasi Pengkebumian Prasejarah di Semenanjung Malaysia	175
2.6.6	Barang Kiriman Prasejarah Semenanjung Malaysia	178
2.7	Isu dan Masalah Pengkebumian Prasejarah Semenanjung Malaysia.....	181
2.7.1	Isu Konsep Kepercayaan	182
2.7.2	Isu Shamanisme.....	183
2.7.3	Isu Pengurusan dan Upacara Amal Pengkebumian.....	185
2.7.4	Isu Pelapik Pengkebumian.....	186
2.7.5	Isu Barang Kiriman	187
2.7.6	Isu Pengkebumian Berstatus.....	189
2.8	Rumusan	190
	BAB 3 KAEDAH KAJIAN	192
3.1	Pengenalan	192
3.2	Kajian Literatur	193
3.3	Survei Lapangan	194
3.4	Kajian Etnografi.....	194
3.4.1	Temu bual	195
3.4.2	Pemerhatian & Penyertaan Turut Serta	197
3.4.3	Eksperimen Penyediaan Kubur & Demonstrasi Pengurusan Pengkebumian	198
3.4.4	Pungutan Data Barang Kiriman.....	200

3.4.5	Penggunaan Rakaman Audio-Visual.....	201
3.5	Analisis Data.....	201
3.6	Pengalaman Kajian Temiar.....	210
3.7	Rumusan	233
BAB 4	PERKUBURAN TEMIAR POS KUALA MU	234
4.1	Pengenalan	234
4.2	Kepercayaan Masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu.....	234
4.3	Hukum Alik	236
4.4	Perkuburan di Pos Kuala Mu	244
4.4.1	Perkuburan Kampung Kuala Mu.....	245
4.4.2	Perkuburan Kampung Toh	249
4.4.3	Perkuburan Kampung Gapeh	251
4.4.4	Perkuburan Kampung Bersah.....	253
4.5	Analisis Ruang Tapak Perkuburan Pos Kuala Mu.....	256
4.6	Eksperimen Pembuatan Kubur.....	263
4.6.1	Kubur Individu Biasa.....	263
4.6.2	Kubur <i>Halak Amis</i>	271
4.6.3	Kubur <i>Halak Rayak</i>	280
4.7	Simbolik Perkuburan Temiar Pos Kuala Mu	288
4.8	Rumusan	292
BAB 5	TRADISI PENGKEBUMIAN MASYARAKAT TEMIAR.....	293
5.1	Pengenalan	293
5.2	Pengurusan Pengkebumian	293
5.2.1	Acara Berkabung	294
5.2.2	Menunggu Mayat Sebelum Pengkebumian.....	294
5.2.3	Memandikan Mayat.....	297
5.2.4	Membungkus Mayat	299
5.2.5	Mengusung Mayat	303
5.2.6	Mengkebumikan Mayat.....	305
5.3	Hari Keenam Kematian.....	317
5.4	Pengkebumian Halak	321
5.4.1	Pengkebumian <i>Halak Amis</i>	322
5.4.2	Pengkebumian <i>Halak Rayak</i>	325
5.5	Majlis Tamat Berkabung.....	329

5.5.1	<i>Chak Rayak</i>	336
5.5.2	Upacara <i>Tehnemoh</i>	339
5.6	Simbolik Upacara Pengkebumian Masyarakat Temiar	349
5.7	Rumusan	374
BAB 6	BARANG KIRIMAN	376
6.1	Pengenalan	376
6.2	Barang Kiriman.....	376
6.2.1	Barang Kiriman di atas Permukaan Kubur.....	377
6.2.1(a)	Analisis Barang Kiriman di atas Permukaan Kubur	382
6.2.2	Barang Kiriman Bersama Si Mati di Dalam Kubur	391
6.2.2(a)	Analisis Barang Kiriman yang Berpotensi Diletakkan Bersama Si Mati di Dalam Kubur	400
6.3	Susun Atur Barang Kiriman Pengkebumian.....	403
6.4	Barang Kiriman Bahan Makanan di Atas Permukaan Kubur	409
6.5	Barang Kiriman di Atas Para Buluh	410
6.6	Simbolik Barang Kiriman Pengkebumian Masyarakat Temiar	412
6.7	Rumusan	444
BAB 7	KESIMPULAN	445
7.1	Pengenalan	445
7.2	Pengenalan	448
7.3	Pengenalan	450
7.4	Pengenalan	455
7.5	Pengenalan	467
7.6	Pengenalan	470
RUJUKAN	473
GLOSARI		
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN DAN KERTAS KERJA		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Lokasi kajian..... 4
Jadual 1.2	Populasi masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak..... 5
Jadual 1.3	Data pengkebumian Orang Asli Semenanjung Malaysia..... 28
Jadual 2.1	Bukti pengkebumian hoabinhian yang diekskavasi oleh Sieveking di Gua Cha..... 109
Jadual 2.2	Jantina dan bentuk pengkebumian Guar Kepah..... 116
Jadual 2.3	Bukti pengkebumian di Gua Cha yang ditemui oleh Sieveking.. 130
Jadual 2.4	Kajian pengkaji lalu berhubung kubur kepingan batu..... 149
Jadual 2.5	Bukti pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 165
Jadual 2.6	Jenis pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 169
Jadual 2.7	Kaedah dan jenis pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 170
Jadual 2.8	Kaedah pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 172
Jadual 2.9	Tempat pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 173
Jadual 2.10	Tempat pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia mengikut zaman..... 175
Jadual 2.11	Orientasi pengkebumian, muka gua dan arah cahaya matahari prasejarah Semenanjung Malaysia..... 176
Jadual 2.12	Orientasi pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia mengikut zaman..... 178
Jadual 2.13	Barang kiriman dan makanan pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia..... 180
Jadual 3.1	Jumlah hari yang diluahkan dalam melakukan kajian lapangan etnografi..... 198
Jadual 4.1	Kepercayaan masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu menerusi survei tahun 2015..... 235
Jadual 4.2	Profil tapak perkuburan Kampung Kuala Mu..... 248

Jadual 4.3	Profil tapak perkuburan Kampung Toh.....	250
Jadual 4.4	Profil tapak perkuburan Kampung Gapeh.....	252
Jadual 4.5	Profil tapak perkuburan Kampung Bersah.....	255
Jadual 4.6	Koordinat setiap kubur di Pos Kuala Mu.....	256
Jadual 4.7	Ukuran jarak dari tapak perkuburan ke kawasan penempatan...	260
Jadual 4.8	Data perkuburan Temiar.....	289
Jadual 5.1	Jenis tumbuhan yang digunakan dalam upacara amal masyarakat Temiar.....	331
Jadual 5.2	Ciri dan bahan asas upacara amal.....	333
Jadual 5.3	Makna dan falsafah di sebalik tingkah laku sosial pengkebumian masyarakat Temiar.....	349
Jadual 5.4	Makna dan falsafah di sebalik tingkah laku sosial pengkebumian <i>halak</i> Temiar.....	356
Jadual 5.5	Perbandingan pengkebumian masyarakat Temiar dengan pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia.....	366
Jadual 6.1	Jumlah barang kiriman di atas permukaan kubur di tapak perkuburan Pos Kuala Mu.....	378
Jadual 6.2	Jumlah barang kiriman di atas permukaan kubur mengikut klasifikasi.....	380
Jadual 6.3	Skor min bilangan barang kiriman yang terdapat di atas permukaan kubur mengikut usia kubur.....	382
Jadual 6.4	Ujian anova jumlah barang kiriman yang terdapat di atas permukaan kubur mengikut usia kubur.....	383
Jadual 6.5	Keputusan ujian Post Hoc Scheffe bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur berdasarkan kepada usia kubur.....	384
Jadual 6.6	Statistik deskripsi menunjukkan nilai min dan sisihan piawai antara usia kubur dengan bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur.....	385
Jadual 6.7	Nilai pekali korelasi di antara skor min usia kubur dengan skor min bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur.....	385

Jadual 6.8	Skor min bilangan barang kiriman yang terdapat di atas permukaan kubur mengikut peringkat umur si mati.....	386
Jadual 6.9	Ujian anova jumlah barang kiriman yang terdapat di atas permukaan kubur mengikut peringkat umur si mati.....	387
Jadual 6.10	Keputusan ujian Post Hoc Scheffe bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur berdasarkan kepada peringkat umur si mati.....	388
Jadual 6.11	Statistik deskripsi menunjukkan nilai min dan sisihan piawai antara peringkat umur si mati dengan bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur.....	388
Jadual 6.12	Nilai pekali korelasi di antara skor min peringkat umur si mati dengan skor min bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur.....	389
Jadual 6.13	Barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di kubur.....	392
Jadual 6.14	Material kebudayaan masyarakat Temiar yang berpotensi dikebumikan bersama tuan punyanya di dalam kubur.....	394
Jadual 6.15	Jumlah barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di dalam kubur mengikut kampung, jantina dan peringkat usia.....	401
Jadual 6.16	Posisi susun atur barang kiriman bersama mayat si mati.....	404
Jadual 6.17	Interpretasi ke atas barang kiriman masyarakat prasejarah Semenanjung Malaysia.....	422

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kaedah kajian..... 87
Rajah 2.1	Jenis tapak pengkebumian prasejarah di Semenanjung Malaysia..... 168
Rajah 3.1	Urutan kaedah kajian..... 192
Rajah 3.2	Kajian etnografi..... 195
Rajah 3.3	Analisis data..... 202
Rajah 3.4	Model semiotik Peirce..... 209
Rajah 4.1	Lakaran 3D kubur dalam tanah..... 270
Rajah 4.2	Lakaran 3D kubur atas tanah <i>halak amis</i> 280
Rajah 4.3	Lakaran 3D kubur atas pokok untuk <i>halak rayak</i> 288
Rajah 5.1	Susun atur di balai sewang..... 335
Rajah 5.2	Simbol dan makna balai sewang..... 336
Rajah 5.3	Kosmologi lapisan alam menurut kepercayaan Temiar..... 336
Rajah 5.4	Makna di sebalik corak motif dalam tradisi mewarna wajah..... 341
Rajah 6.1	Jumlah barang kiriman yang masih ditemui di atas permukaan kubur di Pos Kuala Mu..... 377
Rajah 6.2	Jumlah barang kiriman yang masih ditemui di atas permukaan kubur di Pos Kuala Mu mengikut klasifikasi..... 381
Rajah 6.3	Hubungan positif dan signifikan antara pemboleh ubah bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur dengan usia kubur..... 386
Rajah 6.4	Hubungan positif dan signifikan antara pemboleh ubah bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur dengan peringkat umur si mati..... 389
Rajah 6.5	Bilangan barang kiriman di atas permukaan kubur mengikut jantina..... 390

Rajah 6.6	Bilangan barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di dalam kubur.....	394
Rajah 6.7	Bilangan barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di dalam kubur mengikut jantina.....	400
Rajah 6.8	Bilangan barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di dalam kubur mengikut peringkat umur.....	402
Rajah 6.9	Bilangan barang kiriman yang berpotensi diletakkan bersama si mati di dalam kubur mengikut peringkat umur dan jantina.....	403
Rajah 6.10	Simbolik barang kiriman masyarakat Temiar.....	412

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 2.1	Asosiasi artifak dan ekofak pengkebumian Manusia Perak.....	99
Foto 2.2	Bukti pengkebumian di Gua Kerbau, Perak.....	102
Foto 2.3	Bukti pengkebumian GTK1.....	105
Foto 2.4	Bukti pengkebumian di Gua Cha.....	110
Foto 2.5	Bukti pengkebumian menerusi ekskavasi tahun 2017.....	119
Foto 2.6	Pengkebumian melunjur Gua Cha.....	129
Foto 2.7	Kubur kepingan batu di Sungai Kruit, Perak.....	149
Foto 4.1	Tapak perkuburan Kampung Kuala Mu.....	246
Foto 4.2(a)	Tapak perkuburan Kampung Toh di seberang Sungai Pelus.....	249
Foto 4.2(b)	Salah satu kubur di tapak perkuburan Kampung Toh.....	249
Foto 4.3	Tapak kubur <i>halak rayak</i>	251
Foto 4.4	Tapak perkuburan Kampung Gapeh.....	252
Foto 4.5	Tapak kubur <i>halak amis</i>	253
Foto 4.6(a)	Sungai Pelus yang memisahkan Kampung Bersah dengan perkuburannya.....	254
Foto 4.6(b)	Salah satu perkuburan di Kampung Bersah.....	254
Foto 4.7(a)	Penentuan dan pembersihan kawasan yang akan dijadikan kubur mesti pada orientasi barat-timur.....	264
Foto 4.7(b)	Penggalian lubang kubur.....	264
Foto 4.8(a)	Mencari kayu <i>carok</i>	266
Foto 4.8(b)	Mencari buluh.....	266
Foto 4.9(a)	Buluh dibelah dan dibentuk menjadi tikar.....	267
Foto 4.9(b)	Tikar buluh dijadikan pelapik atau <i>nes</i>	267
Foto 4.10	Susunan <i>cerak</i>	267

Foto 4.11(a)	Belahan buluh diletakkan di atas cerak.....	268
Foto 4.11(b)	Tanah mula dimasukkan selepas daun tepus atau daun pisang diletakkan atas hampan buluh.....	268
Foto 4.12	Pondok kubur di tapak kubur Kampung Gapeh.....	269
Foto 4.13(a)	Pencarian rotan <i>stoq</i>	272
Foto 4.13(b)	Membelah rotan untuk dijadikan tali.....	272
Foto 4.14	Pengambilan daun bertam.....	272
Foto 4.15(a)	Menggulung daun bertam.....	273
Foto 4.15(b)	Daun bertam yang telah digulung dibawa ke tapak kubur.....	273
Foto 4.16	Menjalin dan menganyam daun bertam untuk dijadikan atap...	274
Foto 4.17(a)	Penyediaan struktur <i>belok</i> dengan dua kayu <i>cenglok</i>	275
Foto 4.17(b)	Enam batang kayu <i>carok</i> diikat dengan rotan ke <i>cenglok</i>	275
Foto 4.18(a)	Penyediaan struktur <i>kerendal</i>	275
Foto 4.18(b)	Hampan lantai buluh <i>nes</i> dipasang di atas <i>kerendal</i>	275
Foto 4.19	Pemasangan struktur <i>tunggul</i>	276
Foto 4.20(a)	Pembinaan struktur dinding <i>rendet</i>	277
Foto 4.20(b)	Kayu <i>rendet</i> dipasang di bahagian dalam <i>tunggul</i>	277
Foto 4.21	Struktur <i>teraktes</i>	277
Foto 4.22(a)	Struktur <i>kenarul</i> di bahagian paling atas.....	278
Foto 4.22(b)	Pandangan dari timur.....	278
Foto 4.23(a)	Mengikat belahan buluh membentuk <i>cengkar</i>	279
Foto 4.23(b)	<i>Cengkar</i> digantung di <i>kenarul</i> pada bahagian sisi utara.....	279
Foto 4.24(a)	Memasang atap bertam sebagai bumbung kubur.....	279
Foto 4.24(b)	Kubur <i>halak amis</i> yang telah disiapkan daripada pandangan utara.....	279
Foto 4.25(a)	Proses menghasilkan tali daripada rotan <i>lok</i>	282

Foto 4.25(b)	Gulungan tali rotan <i>lok</i> yang telah boleh digunakan.....	282
Foto 4.26	Pengambilan rotan <i>har</i>	283
Foto 4.27	Mengikat struktur <i>cerok</i> pada <i>belok</i> dengan menggunakan rotan <i>har</i>	283
Foto 4.28(a)	Penyediaan pelapik lantai atau <i>nes</i>	284
Foto 4.28(b)	Struktur <i>kerendal</i>	284
Foto 4.29	Pembinaan <i>rendet</i>	285
Foto 4.30	Menghasilkan bahagian <i>carok baliik</i>	288
Foto 4.31(a)	Pembuatan tangga.....	286
Foto 4.31(b)	Mengikat <i>nes</i>	286
Foto 4.31(c)	Memasang <i>rendet</i>	286
Foto 4.32	Memasang <i>sender</i>	287
Foto 4.33(a)	Memasang <i>carok baliik</i> atau penutup ruang binaan pengkebumian.....	287
Foto 4.33(b)	Keranda <i>halak rayak</i> yang siap sepenuhnya.....	287
Foto 5.1	Demonstrasi memandikan mayat.....	299
Foto 5.2	Pakaian si mati lelaki.....	300
Foto 5.3(a)	Meletakkan mayat yang telah berpakaian di atas tikar yang telah dilapik.....	302
Foto 5.3(b)	Membungkus mayat dengan kain yang dilapik.....	302
Foto 5.4(a)	Membungkus mayat dengan tikar dan diikat.....	303
Foto 5.4(b)	Meletakkan kayu <i>kandal</i>	303
Foto 5.5	Kaedah mengusung mayat ke perkuburan.....	304
Foto 5.6	Membungkus semula mayat di dalam kubur.....	307
Foto 5.7(a)	<i>Carok baliik</i> dipasang atas enam kayu.....	308

Foto 5.7(b)	Kubur dikambus dengan tanah yang diletakkan di atas <i>carok baliik</i>	308
Foto 5.8	Pondok kubur.....	309
Foto 5.9	<i>Lingkar</i> yang terdapat di kubur.....	310
Foto 5.10	<i>Tamu</i> yang terdapat di bahagian tengah kubur.....	311
Foto 5.11	Para buluh untuk meletakkan barang kiriman di kubur.....	312
Foto 5.12	Kiriman makanan yang diletakkan di atas kubur.....	313
Foto 5.13	Pokok mangyat yang ditanam sebagai penanda kubur.....	314
Foto 5.14	Unggun api dinyalakan di kubur.....	315
Foto 5.15	Persembahan makanan pada hari keenam kematian.....	317
Foto 5.16(a)	Orientasi barat-timur mayat sebelum dimasukkan ke dalam keranda.....	322
Foto 5.16(b)	Memasukkan mayat dimulai dengan bahagian kaki.....	322
Foto 5.17	Meletakkan barang kiriman bersama mayat <i>halak</i>	323
Foto 5.18	Menyapu air.....	324
Foto 5.19	Sebatang rokok dinyalakan.....	324
Foto 5.20	<i>Tenpok</i> dan <i>boot mek</i>	325
Foto 5.21	Keranda <i>halak amis</i>	325
Foto 5.22(a)	Mayat kekal dalam orientasi barat-timur setibanya di pokok pengkebumian.....	325
Foto 5.22(b)	Mayat dibawa ke atas pokok yang didahului dengan bahagian kepala.....	325
Foto 5.23	Orientasi dan posisi mayat <i>halak</i> dengan pengkebumian atas pokok.....	326
Foto 5.24	Barang kiriman yang diletakkan bersama mayat <i>halak rayak</i> ...	327
Foto 5.25	Rokok dinyalakan.....	327
Foto 5.26	Pengkebumian <i>halak</i> atas pokok.....	327

Foto 5.27	Memasang unggun api.....	328
Foto 5.28	<i>Jamboor</i>	329
Foto 5.29	Kumpulan pemburu.....	329
Foto 5.30	Babi hutan yang diburu.....	330
Foto 5.31	Menangkap ikan.....	330
Foto 5.32	Balai sewang.....	331
Foto 5.33	Persiapan kenduri.....	331
Foto 5.34	Meramu daun.....	331
Foto 5.35	Persiapan di balai sewang.....	333
Foto 5.36	Sesi menjamu kenduri <i>Chak Rayak</i>	338
Foto 5.37	Tradisi mewarna wajah.....	340
Foto 5.38	Pemain buluh <i>chantung</i>	345
Foto 5.39	Hadirin menari.....	345
Foto 5.40	Seorang peserta sedang berada dalam keadaan khayal.....	347
Foto 5.41	Menyanyi lagu terakhir dalam upacara amal.....	349
Foto 6.1(a)	Susun atur barang kiriman bersama mayat lelaki di dalam kubur.....	408
Foto 6.1(b)	Susun atur barang kiriman bersama mayat perempuan di dalam kubur.....	408
Foto 6.2(a)	Susun atur barang kiriman bersama mayat kanak-kanak di dalam kubur.....	408
Foto 6.2(b)	Susun atur barang kiriman bersama <i>halak amis</i> di permukaan kubur.....	408
Foto 6.3(a)	Susun atur barang kiriman bersama <i>halak rayak</i> di atas pokok.	408
Foto 6.3(b)	Susun atur barang kiriman di atas keranda <i>halak rayak</i>	408
Foto 6.4	Kiriman makanan yang diletakkan di atas kubur.....	410

Foto 6.5	Para buluh yang digunakan untuk meletakkan barang kiriman..	411
Foto 6.6	Barang kiriman yang diletakkan di atas para buluh sepertimana yang terdapat di kubur KG4 di tapak perkuburan Kampung Gapeh.....	411

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1 Lokasi kajian Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak.....	4
Peta 2.1 Taburan tapak pengkebumian prasejarah di Semenanjung Malaysia.....	94
Peta 4.1 Lokasi perkuburan dan tapak penempatan di Pos Kuala Mu.....	244
Peta 4.2 Peta taburan tapak perkuburan dan penempatan Pos Kuala Mu.....	258
Peta 4.3 Peta kontur Pos Kuala Mu.....	261

SENARAI SINGKATAN

AD	Anno Domini
ATMA	Institut Alam dan Tamadun Melayu
bp	Before Present
DNA	<i>Deoxyribonucleic acid</i>
g	Gram
GIS	Geographic Information System
GK	Gua Kajang
GP	Gua Peraling
GPS	Global Positioning System
GTK	Gua Teluk Kelawar
GTL	Gua Tok Long
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JOA	Jabatan Orang Asli
kg	Kilogram
KBH	Kampung Bersah
KGH	Kampung Gapeh Hilir
KGU	Kampung Gapeh Ulu
KKM	Kampung Kuala Mu
KTH	Kampung Toh
km	Kilometer
L	Lebar
LMNT	Lembaga Muzium Negeri Terengganu
M	Mean
m	Meter
P	Panjang
PPAG	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
PPT	Program Penempatan Tersusun
QGIS	Quatum Geographic Information System
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RPS	Rancangan Pengumpulan Semula

SD	Standard Deviation
Sig.	Significant
cm	Sentimeter
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UL	Ukur Lilit
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol	Volume
WAC	World Archaeological Congress
2D	Dua Dimensi
3D	Tiga Dimensi

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Bilangan masyarakat Temiar di negeri Perak yang direkodkan oleh PPAG USM.
- Lampiran B Bilangan masyarakat Temiar di negeri Kelantan yang direkodkan oleh PPAG USM.
- Lampiran C Borang kaji selidik kubur di tapak perkuburan masyarakat Temiar Pos Kuala Mu.
- Lampiran D Borang kaji selidik pungutan data statistik peralatan budaya material yang berpotensi diletakkan sebagai barang kiriman.
- Lampiran E Borang kajian etnoarkeologi pengkebumian masyarakat Temiar.
- Lampiran F Senarai temu bual.
- Lampiran G Senarai nama *halak* yang menyelia eksperimen penyediaan kubur dan demonstrasi pengkebumian.
- Lampiran H Tradisi lisan masyarakat Temiar

RITUAL PENGKEBUMIAN MASYARAKAT TEMIAR DARI PERSPEKTIF ETNOARKEOLOGI

ABSTRAK

Kajian etnoarkeologi ini dijalankan di lima buah penempatan masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. Kajian ini bertujuan merekodkan tradisi kubur dan pengkebumian (sebelum, semasa dan selepas pengkebumian) masyarakat Temiar yang masih mengamalkan amalan tradisi untuk dikaitkan dengan budaya pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia. Ini memandangkan data etnografi masyarakat kontemporari di Semenanjung Malaysia pada masa kini masih lagi belum digunakan dengan maksima untuk dihubungkan dengan rekod arkeologi bagi memperkukuhkan interpretasi budaya pengkebumian prasejarah. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu kajian literatur, survei lapangan, temu bual, pemerhatian dan penyertaan turut serta, eksperimen penghasilan kubur, demonstrasi pengkebumian, pungutan data barang kiriman dan penggunaan rakaman audio-visual. Hasil kajian secara amnya telah dapat memberikan gambaran umum kemungkinan tradisi pengkebumian yang telah berlangsung dalam masyarakat prasejarah. Memandangkan pengkebumian prasejarah hanya mendedahkan bukti lokasi perkuburan, orientasi, kedalaman, posisi rangka, barang kiriman dan sesetengahnya pula menampilkan bukti pelapik kepala, pelapik mayat, penutup kubur, penanda kubur, pondok kubur, penggunaan kemenyan dan tradisi mewarna tubuh yang mengikut zaman kebudayaan maka maklumat etnografi Temiar daripada kajian ini boleh menyumbang terus kefahaman tentang mereka. Maklumat lain seperti tradisi sebelum dan selepas pengkebumian Temiar

adalah lebih kepada tradisi yang mungkin dilakukan oleh masyarakat prasejarah. Penentuan lokasi tapak dan jenis kubur Temiar didapati berkait terus dengan status si mati iaitu bagi masyarakat biasa dikebumikan di dalam tanah di tapak perkuburan yang mengandungi banyak kubur manakala bagi shaman kecil dikebumikan di atas tanah dan shaman besar di atas pokok di tapak kubur tunggal dengan lokasi yang lebih tinggi berbanding dengan masyarakat biasa. Oleh kerana itu, dari segi lokasi tapak bagi pengkebumian prasejarah yang berstatus ia dikebumikan secara terasing dan di lokasi tinggi seperti pengkebumian Manusia Perak di Gua Gunung Runtuh. Jenis kubur prasejarah yang terdiri daripada kepingan batu granit, timbunan tanah liat dan tempayan juga berkemungkinan mewakili individu berstatus. Orientasi pengkebumian barangkali berkait dengan arah pengembaraan jiwa si mati ke alam selepas kematian. Kubur digali dengan kedalaman tertentu berkemungkinan selain untuk mengelakkan gangguan haiwan dan bau, juga bertujuan memperdamaikan jiwa si mati. Posisi mayat bermula pada zaman Neolitik dilihat mempunyai persamaan dengan masyarakat Temiar yang bercirikan melunjur manakala pada zaman Paleolitik pula bercirikan berlipat. Tradisi barang kiriman masyarakat Temiar dilihat merupakan kesinambungan daripada tradisi prasejarah iaitu mayat dikebumikan bersama dengan barang kiriman yang terdiri daripada artifak dan ekofak. Ia merupakan simbolik yang mempunyai makna budaya berkait dengan kepercayaan hidup selepas mati. Penggunaan pelapik kepala berkemungkinan sebagai simbol memuliakan kepala; pelapik mayat agar jasad berkeadaan bersih bagi membolehkan jiwa melakukan pengembaraannya dalam keadaan suci; penutup kubur untuk mengelakkan gangguan haiwan; penanda kubur sebagai tangkal dan pondok kubur sebagai simbol penghormatan seperti dalam tradisi Temiar. Keberadaan damar dan hematit menunjukkan kemungkinan adanya upacara amal semasa pengkebumian.

Memandangkan maklumat sebelum dan selepas pengkebumian prasejarah adalah sukar diperolehi, maka interpretasinya dibuat berdasarkan analogi dan etnografi pengkebumian Temiar iaitu mencadangkan kemungkinan terdapatnya amalan menunggu, memandikan dan membungkus mayat serta upacara amal berhubung pengkebumian yang diselia oleh shaman. Justeru itu, kajian etnoarkeologi ke atas masyarakat Temiar ini merupakan suatu dimensi baru dalam arkeologi Malaysia bagi memahami budaya pengkebumian masyarakat prasejarah Semenanjung Malaysia. Bagi kajian masa hadapan, antara cadangannya adalah pembangunan pangkalan data berhubung tapak pengkebumian prasejarah Semenanjung Malaysia menggunakan kaedah Sistem Maklumat Geografi, pendokumentasian budaya pengkebumian setiap etnik masyarakat Orang Asli, program perkongsian budaya masyarakat Orang Asli dan pembangunan program berteraskan pelancongan bagi menjana pendapatan komuniti serta pelestarian budaya.

TEMIAR'S BURIAL RITES FROM ETHNOARCHAEOLOGICAL PERSPECTIVE

ABSTRACT

The ethnoarchaeological research was conducted in five Temiar's settlements in Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. This research aimed to document Temiar's tradition of grave and burial (before, during and after burial) and find its connection with the prehistoric burial in Peninsular Malaysia. It is because the ethnographic data on contemporary society in Peninsular Malaysia are not being used as maximum as possible in association with the archaeological record in enhancing the interpretation of prehistoric burial. This research used a qualitative and quantitative method that included the literature review, fieldwork survey, interview, observation and participant, grave experiment, burial demonstration, data collection on grave goods and audio-visual recording. In general, the research result could illustrate generally that there is a possibility of burial tradition in prehistoric society. Since the prehistoric burial only revealed the evidences of grave location, orientation, depth, skeleton position, grave goods and some cases showed the evidences of head liner, corpse liner, grave lid, grave maker, grave hut, the use of incense and tradition of body painting that are according to the culture period, thus, the ethnographic information of Temiar could contribute towards direct understanding on the prehistoric burial culture. Other information such as the tradition before and after the Temiar's burial is more towards possibility of what was practised by the prehistoric society. The determination of Temiar's grave site and type has a direct relation with

the status of the deceased namely for common individual who is buried in the ground at the site that comprises many graves while for little shaman, buried alone on the ground and for great shaman, buried on the tree in higher elevation as opposed to common individual. Due to that, in terms of the site location for prehistoric individuals with higher status, they are buried in a separated and higher area such as the Perak Man in Gua Gunung Runtuh. The types of prehistoric graves that comprise the slab grave, clay mound and jar probably represent individuals with higher status. Burial orientation could have a relation with the direction of the soul journey to the afterlife world. Grave with a certain depth, is probably to reconcile the deceased's soul, avoid the stinky smell and animal distraction. Starting from Neolithic period, the extended position of the deceased is similar to Temiar tradition while in Palaeolithic period, flexed position was common. The grave goods in Temiar culture show the continuous tradition from prehistoric culture that the corpse is buried along with the grave goods that consists of artefact and ecofact. It is a symbol which means that culture is closely related to the afterlife world. The use of head liner is probably a symbol to glorify the deceased's head; the corpse liner to ensure the body is in clean condition and enable the soul to make the journey in purity; the grave lid to avoid animal distraction; the grave maker as an amulet and the grave hut as a symbol of honour like in Temiar tradition. The discovery of resin and hematite shows the possibility of ritual ceremony during the burial in prehistoric culture. Due to the difficulty of seeking for information related to before and after the prehistoric burial, therefore its interpretation was made based on the analogy and Temiar's ethnographic data that suggest there is a possibility that the tradition of waiting, bathing and wrapping a corpse and ritual ceremony that is conducted by shaman has existed in prehistoric burial. Therefore, ethnoarchaeological research on the Temiar

community could be seen as a new dimension in Malaysia archaeology in comprehending the prehistoric burial culture in Peninsular Malaysia. For future research, there are some suggestions such as the development of a database on prehistoric burial sites in Peninsular Malaysia using the Geography Information System, documentation of the burial culture on each ethnic of Orang Asli, culture sharing program on Orang Asli tradition, and development program using tourism concept on Orang Asli culture in order to generate financial aspect for the community and sustaining their culture.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Kajian peringkat doktor falsafah ini memberikan tumpuan kepada kajian etnoarkeologi terhadap istiadat pengkebumian masyarakat Temiar untuk membantu ahli arkeologi prasejarah memahami konsep kepercayaan tentang kematian. Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan tentang tujuan, kaedah dan skop kajian. Walau bagaimanapun, latar belakang kajian bersama kajian terdahulu akan terlebih dahulu dibincangkan untuk mengenal pasti isu dan masalah yang masih wujud dalam bidang kajian ini.

1.2 Latar Belakang.

Kajian arkeologi di Semenanjung Malaysia sejak 1840-an telah menemukan beberapa rangka manusia prasejarah yang mewakili masyarakat Paleolitik, Neolitik dan Logam (Zuraina, 1996). Interpretasi tentang penemuan tersebut adalah bergantung sepenuhnya kepada bukti yang ditemui bersama rangka manusia seperti artifak dan ekofak yang berada di sekelilingnya. Ahli arkeologi akan dapat menjawab persoalan tentang jantina, usia, ketinggian, penyakit, ras dan mungkin upacara tentang adat istiadat pengkebumian berdasarkan artifak dan ekofak yang terpelihara. Dalam konteks kepercayaan pula, ahli arkeologi membuat interpretasi tentang wujudnya konsep kepercayaan yang secara umumnya bersifat animisme ke atas masyarakat prasejarah menerusi bukti pengkebumian di tapak arkeologi (Bowie, 2000; Hultkrantz, 2005; Bahn, 2012). Hal ini kerana jumpaan pengkebumian ini secara tidak langsung menjustifikasikan gaya fikir dan pandangan kepercayaan

masyarakat ketika itu berdasarkan ciri-ciri posisi rangka, jenis dan susun atur artifak iaitu barang kiriman pengkebumian, orientasi pengkebumian, tapak pengkebumian dan sebagainya. Ahli arkeologi juga umumnya membuat interpretasi bahawa terdapatnya upacara amal pengkebumian yang melibatkan peranan shamanisme dalam hal berhubung pengkebumian dan kepercayaan tentang wujudnya alam selepas kematian berdasarkan jumpaan artifak dan ekofak yang ditemui bersama rangka pengkebumian.


Namun begitu, interpretasi ini masih lagi perlu dikukuhkan terutamanya tentang bagaimana pelaksanaan upacara amal pengkebumian dilangsungkan dan bagaimana tanggapan budaya masyarakat prasejarah tentang wujudnya kepercayaan alam selepas kematian. Maka atas sebab itu, disiplin etnoarkeologi boleh membantu ahli arkeologi dalam memahami persoalan budaya yang sifatnya bukan kebendaan atau tidak ketara seperti soal konsep kepercayaan, adat istiadat, shamanisme, pandangan alam selepas kematian dan corak pengkebumian.

Etnoarkeologi merupakan gabungan disiplin antara etnografi dan arkeologi yang diperkenalkan sekitar tahun 1960-an iaitu suatu gagasan arkeologi pembaharuan selain pendekatan analogi dan eksperimen arkeologi (Binford, 1977). Etnoarkeologi adalah kajian bersifat etnografi ke atas budaya masyarakat kontemporari dari perspektif arkeologi (David & Kramer, 2001). Kaedah etnoarkeologi dilihat dapat membantu had batasan kaedah analogi dalam menginterpretasi budaya masyarakat lampau (Hole & Heizer, 1990). Ia merupakan kajian merangkumi pendekatan untuk memahami hubungan budaya material daripada rekod arkeologi dengan kebudayaan manusia secara seluruhnya serta membantu dalam membuat interpretasi arkeologi yang lebih baik (David & Kramer, 2001). Disiplin ini melibatkan kajian lapangan

bersifat etnografi dengan tujuan memperkukuhkan kajian arkeologi menerusi pendokumentasian aspek tingkah laku sosial budaya (Kramer, 1996). Oleh sebab itu, kajian etnoarkeologi ke atas masyarakat Temiar ini bertujuan selain mendokumentasikan budaya masyarakatnya, juga bertujuan memahami soal kepercayaan dan budaya pengkebumian masyarakat prasejarah menerusi kajian perbandingan data etnografi terkini dengan rekod arkeologi bagi melihat kemungkinan persamaan yang wujud antara keduanya. Oleh kerana itulah kajian ini dijalankan dan memfokuskan kajian di perkampungan Orang Asli Temiar, Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak.

1.3 Masyarakat Temiar.

Kajian ini melibatkan masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak yang terdiri daripada Kampung Kuala Mu, Kampung Gapeh Ulu, Kampung Gapeh Hilir, Kampung Toh dan Kampung Bersah (Peta 1.1; Jadual 1.1). Faktor pemilihan lokasi kawasan kajian ini adalah kerana para penduduknya masih lagi mengamalkan tradisi kepercayaan dan budaya pengkebumian tradisional. Hal ini juga disebabkan kedudukan lokasi kajian ini yang diklasifikasikan sebagai penempatan terpencil di kawasan hutan tebal (Carey, 1976) dan maka dengan itu, budaya tradisionalnya masih terpelihara.



Peta 1.1: Lokasi kajian Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak.
(Data lapangan, 2015)

Jadual 1.1: Lokasi kajian.
(Data lapangan, 2015)

Nama Kampung	Koordinat	Altitud
Kuala Mu	U 4°50.228' T 101° 20. 037'	639 m
Gapeh Ulu	U 4° 50. 293' T 101° 20. 241'	652 m
Gapeh Hilir	U 4° 50.295' T 101° 20.101'	642 m
Toh	U 4° 50.445' T 101° 19.989'	632 m
Bersah	U 4°50.539' T 101°19.700'	637 m

Pos ini telah didirikan sekitar tahun 1960-an di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA, kini JAKOA). Pos ini didirikan oleh pihak kerajaan di bawah Program Penempatan Tersusun (PPT) menerusi Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) (Devamany & Asan Ali, 2016). Pengumpulan semula ini menghasilkan bentuk perkampungan yang besar tetapi masih berada di persekitaran semulajadi asal tanpa menggugat tradisi budaya Orang Asli (Carey,1979). Ia bertujuan menyekat bekalan makanan dari sampai ke pihak komunis yang biasanya

dibekalkan oleh masyarakat Orang Asli (Carey, 1968;1979; Gwee, 1966; Ho, 2008). Pos ini juga mempunyai sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Pos Kuala Mu yang telah didirikan pada tahun 1998 bagi menggantikan sekolah berkonsepkan buluh di bawah kendalian pihak JHEAO sejak 1985 (Temu bual: Fendi, Sekolah Rendah Kebangsaan Pos Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 Febuari 2016). Jumlah populasi penduduk di pos ini adalah seramai 700 orang (Jadual 1.2). Daripada jumlah ini, 332 orang (47%) adalah lelaki manakala 368 orang (53%) pula adalah perempuan.

Jadual 1.2: Populasi masyarakat Temiar di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. (Data lapangan, 2015)

Nama kampung	Jumlah penduduk			Jumlah isi rumah
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	
Kuala Mu	73	98	171	28
Gapeh Ulu	61	70	131	30
Gapeh Hilir	50	60	110	19
Toh	62	64	126	21
Bersah	86	76	162	37
Jumlah	332	368	700	135

Masyarakat Temiar secara umumnya boleh ditemui di negeri Perak, Kelantan dan sejumlah kecilnya di negeri Pahang khususnya di kawasan banjaran Titiwangsa. Wilayah kepenghunaan masyarakat Temiar ini meliputi dari kawasan selatan Cameron Highland hingga ke sempadan Negeri Sembilan. Di bahagian barat pula, masyarakat ini boleh ditemui sehingga ke utara manakala di bahagian timur pula di kawasan sekitar Hulu Kelantan (Noone, 1936). Masyarakat Temiar digolongkan dalam kumpulan masyarakat Senoi (Carey, 1961; Benjamin, 1968; 2012; JAKOA, 2011). Masyarakat Temiar merupakan masyarakat yang beradaptasi dengan

persekitaran yang berorientasikan kawasan bukit tanah tinggi yang mencapai altitud 4000-7000 kaki di atas aras laut (Zafarina & Rozita, 2012). Mereka mendirikan penempatan di kawasan terbuka yang dikelilingi hutan dan berdekatan dengan sungai (Jennings, 1995). Pungutan data etnografi oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (PPAG USM) di bawah seliaan Hamid Mohd Isa telah merekodkan sejumlah 13,311 orang masyarakat Temiar di negeri Perak dan Kelantan (Lampiran A-B; Laporan Kajian Etnoarkeologi PPAG USM, 2015). Sejumlah 6,677 orang adalah lelaki manakala 6634 orang adalah perempuan. Terdapat 7,514 orang adalah merupakan masyarakat Temiar di Perak yang terdiri daripada 3,744 lelaki manakala 3,770 perempuan. Populasi di Kelantan berjumlah 5,797 orang iaitu 2933 adalah lelaki dan 2864 adalah perempuan. Jumlah isi rumahnya puala adalah 1,568 isi rumah di Perak dan 977 isi rumah di Kelantan. Data banci ini adalah melibatkan 45 buah penempatan di Perak dan 57 buah penempatan di Kelantan.

Meskipun masyarakat Temiar dikategorikan dalam satu kumpulan yang sama dipanggil Senoi, namun perbezaan wilayah yang dibahagikan menerusi konsep lembah telah melahirkan kepelbagaian dengan ciri pembahagian tertentu bagi kumpulan masyarakat Temiar. Noone (1936) menyatakan bahawa masyarakat Temiar di Perak boleh dibahagikan kepada tujuh kumpulan berdasarkan konsep lembah iaitu masyarakat lembah Sengoh, Temenggor, Dala, Piah, Pelus, Kinta dan Kledang. Di Kelantan dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu masyarakat lembah Brok, Betis, Prias, Jindera dan Nenggiri manakala di Pahang terdiri satu kumpulan iaitu masyarakat lembah Telom. Bagi masyarakat Temiar di Kelantan, gelaran ketua masyarakatnya dipanggil sebagai penghulu manakala di Perak pula dipanggil sebagai

raham sebelum gelaran ini ditukar dengan istilah batin (Temu bual: M.Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, 4 Ogos 2015). Setiap kumpulan masyarakat yang berada di setiap lembah berbeza juga mempunyai seorang shaman yang dikenali oleh masyarakat di setiap lembah yang dipanggil sebagai *halak rayak*. Setiap lembah ini juga berikutnya menentukan sempadan *sakak* atau wilayah tanah nenek moyang bagi setiap kumpulan masyarakat yang menghuninya. Wilayah *sakak* ini merupakan had batasan bagi setiap kumpulan yang terdapat dalam setiap lembah dalam menjalankan kegiatan memburu meramu dan juga kegiatan pertanian pindah. Di samping itu, kepelbagaian dapat difahami menerusi penggunaan nama rujukan berbeza bagi merujuk entiti semangat yang sama. Misalnya nama semangat yang digunakan untuk merujuk semangat kilat dan guruh iaitu bagi masyarakat Temiar di Lembah Nenggiri, ia dirujuk sebagai Karei, di Lembah Pelus dirujuk sebagai Tak Legang, di Lembah Piah dirujuk sebagai Tak Goin dan di Lembah Dala dirujuk sebagai Tak Engku.

Selain itu, kepelbagaian masyarakat Temiar juga boleh dilihat menerusi panggilan nama suku kaum. Namun sebelum itu, perlulah difahami bahawa istilah Temiar yang digunakan untuk merujuk kumpulan masyarakat ini bukanlah berasal dari mereka. Ianya lebih merupakan gelaran panggilan yang diberikan oleh masyarakat luar iaitu pihak kolonial kepada kumpulan masyarakat ini. Bahkan kumpulan masyarakat ini sendiri tidak mengetahui makna di sebalik istilah Temiar itu sendiri. Istilah Temiar ini lebih bersifat *exonym* iaitu nama panggilan yang digunakan dan diperoleh daripada panggilan masyarakat luar dan bukannya bersifat *endonym* iaitu nama panggilan yang diberikan oleh kumpulan masyarakat itu sendiri.

Istilah Temiar pada awalnya telah diperkenalkan oleh Schebesta dengan menggunakan perkataan Ple Temiar dan seterusnya oleh Noone dan Pamela

Gouldsbury. Menurut Benjamin (2012), terdapat sekurang-kurangnya 28 bentuk ejaan yang digunakan untuk merujuk kumpulan masyarakat ini dalam catatan terdahulu. Antaranya ialah ejaan *Tembe, Tem-be, Tembeh, Tembi, Tembir, Teme, Temeh, Temeok, Temer, Temia, Temiar, Temiau, Temiok, Timeor, Tm-ee, Tumeor, Tumior, Tumiou, Tumiyor, Tummeor dan Tummior* (Benjamin, 2012). Benjamin (2012) menyatakan bahawa istilah Temiar adalah berasal daripada perkataan Austronesia yakni tembir atau tambir yang bermaksud tepi atau pinggir. Kewujudan istilah Temiar ini dalam merujuk kumpulan masyarakat ini adalah sama keadaannya dengan kemunculan istilah lain yang digunakan seperti Orang Hutan, Orang Sakey, Sakai, dan Orang Asli iaitu diberikan oleh masyarakat luar dan bukannya berasal daripada masyarakat itu sendiri. Maka dengan itu, seperti mana yang disarankan oleh Benjamin (2012), kajian *ethnonymy* tidak seharusnya hanya bersandar pada kajian bersifat filologi dan antiquarian sahaja tetapi turut memerlukan kajian yang melibatkan penelitian dari sudut sosiolinguistik, politikal, historikal dan eptimologi.

Sebaliknya, bagi kumpulan masyarakat ini apabila berkomunikasi sesama mereka, mereka lebih cenderung merujuk diri mereka dengan istilah panggilan *sen-oi* (Temu bual: Hamid Bin Pandak, Kampung Bersah, 14 November 2014). *Sen-oi* membawa maksud manusia atau orang dalam bahasa masyarakat ini. Di samping itu, terdapat juga kepelbagaian gelaran yang dirujuk berdasarkan lokasi persekitaran dan kepenghunaan yang dihuni oleh mereka. Bagi masyarakat yang menjalani kehidupan di kawasan yang lebih jauh dan pedalaman dari kawasan yang mudah diakses dan jauh dari bentuk perhubungan dengan masyarakat luar, maka mereka ini digelar sebagai *sen-oi jelmol* atau secara literalnya bermaksud orang gunung atau *sen-oi serok* yang bermaksud orang bukit (Temu bual: M.Rafii Bin Pandak, Kampung

Kuala Mu, 17 Febuari 2016). Rujukan panggilan ini adalah disebabkan masyarakat ini menjalani kehidupan di kawasan yang lebih berorientasikan persekitaran tanah tinggi yang berlatar belakang bukit-bukau dan gunung-ganang serta disebabkan kadar minimal interaksi perhubungan dengan masyarakat luar lantaran lokasi kawasan pedalaman yang diadaptasi mereka dalam menjalani kehidupan. Bagi masyarakat yang menghuni di kawasan berdekatan dengan pinggir kampung masyarakat Melayu atau yang berdekatan dengan kawasan pekan serta menjalani kehidupan di kawasan yang mudah diakses oleh masyarakat luar, maka biasanya mereka dipanggil sebagai *sen-oi baruh* dan *sen-oi beek* yang bermaksud orang pinggir (Temu bual: M.Rafii Bin Pandak, Kampung Kuala Mu, 17 Febuari 2016).

Selanjutnya, kepelbagaianya juga dapat dilihat menerusi perjalanan peristiwa sejarah yang dialami oleh masyarakat ini berdasarkan lokasi kepenghunaan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi sejarah berhubung individu pengantara antara masyarakat Temiar dengan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Individu pengantara ini berperanan menjadi orang tengah dalam urusan tukaran barang iaitu masyarakat Temiar membekalkan hasil hutan, kayu dan buluh kepada masyarakat Melayu dan sebagai imbalannya mereka akan diberikan keperluan seperti garam, mancis, kain, parang dan beliung (Noone, 1936). Bagi masyarakat Temiar yang tinggal di kawasan Pelus dan Korbu, Perak individu pengantaranya dipanggil sebagai Tok Pangku. Sekitar tahun 1936 terdapat Tok Pangku bernama Alang Utong di Lasah. Beliau dikatakan berasal-usul Temiar dan turut mempunyai hubungan darah persaudaraan dengan ketua masyarakat Temiar di kawasan Pelus (Noone, 1936). Di Lasah sekitar tahun 1960-an, gelaran Tok Pangku ini masih lagi memainkan peranan yang bukan sahaja menjadi pengantara antara pihak kerajaan

dengan masyarakat Temiar di sekitar Lasah sahaja tetapi juga Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Hal ini kerana, Tok Pangku pada masa itu juga merupakan ahli Dewan Negara atau Senator yang berperanan dalam mensuarakan hal-hal berkaitan dengan hak, kebajikan dan kepentingan Orang Asli di peringkat nasional. Tok Pangku tersebut bernama Tok Pangku Andak Hamid (Temu bual: Asnulwida Bin Amir Hassan, SK Pos Kuala Mu, 10 Febuari 2016).

Manakala di Kelantan iaitu di kawasan Nenggiri dan Betis pula, individu pengantara ini dipanggil sebagai Tok Mikong. Individu yang dipanggil Tok Mikong ini dikatakan berasal-usul dari keturunan Siam iaitu sewaktu Siam memerintah kawasan utara Semenanjung pada masa dahulu. Nenek moyang mereka dikatakan telah berkahwin dengan perempuan Temiar sehingga akhirnya nenek moyang mereka dapat memahami tradisi dan amalan magik masyarakat Temiar (Noone, 1936). Terdapat juga yang mengatakan bahawa Mikong ini pada asalnya merupakan ketua kumpulan yang memihak kepada pihak hulubalang Melayu yang tewas dalam perang saudara di Kelantan pada tahun 1839 dan berikutnya melarikan diri ke kawasan masyarakat Temiar di Ulu Kelantan (Benjamin, 1968). Pada setiap tahun, Tok Pangku dan Tok Mikong ini turut memberikan hadiah tahunan berupa garam, parang dan kain sarung kepada masyarakat Temiar sebagai simbol memaparkan bentuk jalinan hubungan akrab (Noone, 1936).

1.4 Kajian Terdahulu Pengkebumian Orang Asli.

Kebanyakan kajian terdahulu yang menyentuh tentang konsep dan corak pengkebumian masyarakat Orang Asli diterangkan secara umum. Hal ini bukanlah suatu yang asing kerana isu pengkebumian bukanlah suatu yang boleh dijangka dari

sudut masa ianya terjadi. Berikut dibincangkan beberapa rekod yang terdapat perbincangan tentang pengkebumian masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

1.4.1 Walter William Skeat & Charles Otto Blagden (1906)

Skeat William Skeat & Charles Otto Blagden menerusi karyanya berjudul *Pagan Races of the Malay Peninsula* tahun 1906 telah merekodkan pengkebumian bagi masyarakat Negrito di Kelantan. Pengkebumian tersebut melibatkan shaman atau *halak* yang dikebumikan di atas pokok (Skeat & Blagden, 1906). Tujuannya untuk memudahkan jiwa si mati pergi ke syurga. Namun begitu, pengkaji ini tidak melaporkan secara terperinci tentang upacara pengkebumian ini.

Mereka juga merekodkan ada melawat pengkebumian masyarakat Kensiu di Siong, Kedah. Mayat lelaki telah ditanam pada kedalaman tiga kaki. Bahagian kepala dan lututnya diletakkan menghala ke arah kanan kubur dengan kedua-dua kakinya dilipatkan sedikit ke arah belakang badan (Skeat & Blagden, 1906). Mayat juga diletakkan di atas tikar dengan bahagian bawahnya terdapat platform kayu yang merupakan usungan mayat. Kiriman makanannya terdiri daripada nasi yang diletakkan di bahagian kepala dan sisi badan. Kiriman air di dalam tempurung kelapa diletakkan di bahagian kaki. Bahagian atas mayat pula diletakkan pancang kayu dari sisi ke sisi dan kemudiannya ditutupi dengan daun bertam sebelum kubur dikambus. Namun begitu, pengkaji ini tidak melaporkan tentang upacara amal sebelum dan selepas pengkebumian.

1.4.2 Paul Schebesta (1928)

Paul Schebesta (1928) menerusi karya *Among the Forest Dwarfs of Malaya* tahun 1928 merupakan antara pengkaji yang berkesempatan untuk melihat pengkebumian masyarakat Orang Asli. Beliau telah berpeluang menghadiri upacara pengkebumian seorang kanak-kanak perempuan masyarakat Jahai di Hulu Perak. Menurutnya, tapak kubur yang dipilih terletak di kawasan belukar digali dengan menggunakan beliung dan tangan. Saiz kubur diukur berdasarkan badan mayat dengan sebatang kayu (Schebesta, 1928).

Menurut Schebesta (1928) badan mayat terlebih dahulu dimandikan dengan air dari tabung buluh serta sedikit air turut dimasukkan ke dalam mulut si mati. Kemudiannya, badan mayat dibalut dengan kain dan tikar. Hanya bahagian muka sahaja yang didedahkan. Bahagian lantai kubur diletakkan tikar buluh sebagai pelapik mayat.

Badan mayat dibaringkan secara melunjur dengan tangan dirapatkan di sisi badan. Kepalanya dihalakan ke arah matahari terbenam iaitu tempat orang yang mati berada atau dikenali sebagai tanah bagi orang yang mati. Menurut kepercayaan Jahai, seseorang itu meninggal dunia apabila semangatnya iaitu *yurl* keluar dari jasad menerusi bahagian kepala (Schebesta, 1928).

Tempurung kelapa berisi air diletakkan di atas kubur agar jiwa si mati tidak kehausan untuk melakukan pengembaraan ke alam selepas kematian. Setelah itu, pondok kubur didirikan untuk memayungi kubur dan seterusnya unggun api dinyalakan. Bahagian bawah pondok kubur diletakkan barang peribadi si mati sebagai barang kiriman. Ahli keluarga si mati akan menangis dan meraung dan kemudiannya sekali lagi pada waktu petang dengan raungan yang lebih kuat di kem

penempatan. Raungan kematian ini berlangsung selama dua hari sebagai tanda menangi si mati (Schebesta, 1928).

Tempoh berkabung pula adalah selama lima hari dengan larangan menari dan menyanyi (Schebesta, 1928). Mereka kemudiannya berpindah ke kawasan kem penempatan baru yang terletak di seberang sungai dengan tujuan agar jiwa si mati tidak mengganggu kehidupan mereka. Upacara amal dilangsungkan sebagai tanda tamatnya tempoh berkabung (Schebesta, 1928).

Beliau juga mencatatkan pengkebumian masyarakat Kintak di Grik, Hulu Perak. Menurutnya setelah mayat dibalut dengan kain, maka ia diusung ke tapak kubur. Lubang kubur digali dengan kedalaman sekitar satu meter (Schebesta, 1928). Badan mayat diletakkan dengan posisi kaki diluruskan. Setiap sisi kubur diletakkan lintangan buluh serta mencacakkan kayu tajam dengan tujuan menghalang gangguan binatang liar. Berikutnya pondok kubur didirikan dan api dinyalakan.

Bagi pengkebumian kanak-kanak, kiriman makanan yang lebih perlu diletakkan berbanding orang dewasa. Hal ini kerana, jiwa kanak-kanak dipercayai lemah, maka ia memerlukan makanan lebih agar membolehkannya melakukan pengembaraan dengan lebih mudah. Seterusnya di kedua-dua bahagian hujung kubur dipacakkan dua batang kayu berfungsi sebagai tangkal berperanan menghalang kehadiran harimau (Schebesta, 1928).

Beliau turut menerangkan tentang pengkebumian masyarakat Kensiu dan Mendrik di Kelantan. Menurut beliau mayat masyarakat Kensiu ditanam dengan kakinya diluruskan. Bagi masyarakat Mendrik pula mereka mempercayai bahawa jiwa orang mati akan pergi menuju ke sebuah alam dipanggil *Chepegn* (Schebesta, 1928). Pada waktu malam dipercayai bahawa jiwa si mati boleh mengganggu orang

yang masih hidup sehingga boleh membunuhnya. Berikutnya ahli masyarakat perlu segera berpindah meninggalkan kem penempatan. Bagi pengkebumian masyarakat Kensiu dan Mendrik ini, pengkaji tidak melaporkan secara terperinci tentang upacara amal sebelum, semasa dan selepas pengkebumian.

1.4.3 Ivor H.N. Evans (1937)

I.H.N. Evans menerusi karya berjudul *The Negritos Of Malaya* tahun 1937 mencatatkan berkenaan pengkebumian masyarakat Kintak di Grik, Hulu Perak dan masyarakat Batek di Pahang. Informannya bernama Tokeh menerangkan mayat masyarakat Kintak adalah dibaringkan dengan keadaan kakinya diluruskan dan kepalanya diletakkan menghala ke arah barat atau dipanggil *belet* (Evans, 1937). Bagi lelaki, kedalaman kuburnya digali separas kepala manakala bagi perempuan, separas dada. Bersama pengkebumian diletakkan barang kiriman yang dipanggil *penitok* terdiri daripada makanan dan tembakau. Pada bahagian atas kubur diletakkan tangkal kayu bertujuan menghalang kehadiran binatang liar. Tangkal kayu turut diletakkan di pondok kubur bertujuan mengelakkan jiwa si mati pulang ke rumah (Evans, 1937). Namun begitu, pengkaji ini tidak melaporkan tentang upacara amal sebelum dan selepas pengkebumian masyarakat Kintak.

Beliau turut mencatatkan pengkebumian masyarakat lelaki Batek di Jerangsang, Pahang. Mayat lelaki ini telah ditanam dengan kedalaman yang agak cetek. Mayat ditanam dengan posisi wajahnya menghala ke arah matahari terbenam. Bersama mayat turut diletakkan barang kiriman seperti parang, kapak, tikar, dan pakaian. Selama tujuh hari kematian sebarang hiburan adalah dilarang. Pada hari ketujuh, dipercayai jiwa si mati mula melakukan pengembaraan ke alam selepas

kematian (Evans, 1937). Walau bagaimanapun, pengkaji ini tidak melaporkan secara terperinci tentang upacara amal sebelum dan selepas pengkebumian masyarakat Batek.

1.4.4 Peter Darrell Rider Williams-Hunt (1954)

Catatan P.D.R Williams-Hunt berjudul *A Lanoh Negrito Funeral* yang diterbitkan oleh *Federation Museums Journal* pada tahun 1954 menerangkan tentang pengkebumian perempuan Lanoh bernama Sari yang meninggal dunia pada usia 30 tahun di Gua Harimau atau *Kenwarr* yang terletak di Lenggong, Perak. Mayat Sari dimandikan dan kemudiannya dibungkus dengan menggunakan kain sarung (Williams-Hunt, 1954).

Mayat kemudiannya diusung oleh lelaki ke tapak pengkebumian dengan menggunakan pengusung diperbuat daripada buluh dipanggil *balan*. Golongan perempuan tidak dibenarkan terlibat dalam perarakan mayat bagi mengelakkan suasana menjadi bertambah sedih (Williams-Hunt, 1954).

Mayat dikebumikan di kawasan lereng bukit hutan sekunder yang terdapat di Hulu Jepai iaitu dua batu dari kem penempatan. Tapak pengkebumian tersebut terletak di seberang Sungai Jepai dari kem penempatan mereka (Williams-Hunt, 1954). Mayat telah dikebumikan bersama *balan* di lubang kubur berkedalaman sekitar satu meter. Barang kiriman seperti perhiasan ditanam bersama mayat manakala barang kiriman lain diletakkan di atas kubur.

Mayat Sari telah diletakkan dalam orientasi kepalanya berada menghala ke arah barat atau matahari terbenam. Sebagai penanda kubur yang juga merupakan tangkal, dua batang kayu diletakkan di kepala dan kaki kubur bertujuan mengelakkan gangguan haiwan liar seperti harimau dan bagi mengelakkan kawasan tersebut digali lagi pada masa akan datang untuk tujuan pengkebumian lain (Williams-Hunt, 1954).

Masyarakat kampung perlu berkabung dengan larangan melakukan sebarang hiburan seperti menari, menyanyi atau memakai alat perhiasan diri sehingga upacara kenduri kematian terakhir dilangsungkan kelak. Pada malam hari pengkebumian, suatu upacara kenduri kematian dipanggil *Kenu'yi Sendru* dilangsungkan. Kenduri kematian kedua pula dikenali *Kenuyi Chichei* dilangsungkan selama tujuh hari selepas kematian (Williams-Hunt, 1954). Upacara *Kenuyi Chichei* merupakan tanda berakhirnya upacara pengkebumian dan bertujuan mengucapkan selamat jalan kepada jiwa si mati.

Masyarakat Lanoh pada masa dahulu akan melakukan pergerakan dan perpindahan apabila berlakunya sesuatu kematian. Hal ini dapat dilihat menerusi kedatangan semula pengkaji ke kawasan penempatan Lanoh di *Kenwar* selepas pengkebumian iaitu menurut pengkaji, mereka ini telah bergerak keluar dari kawasan pelindung batuan tersebut ke kawasan pelindung batuan lain dengan jaraknya sekitar 600 m (Williams-Hunt, 1954).

Terdapat dua pandangan berhubung keadaan jiwa si mati selepas kematian. Pandangan pertama mengatakan bahawa jiwa si mati akan tinggal di dalam jasad mayat selama tujuh hari. Pandangan lainnya mengatakan bahawa jiwa si mati meninggalkan jasad si mati secara serta merta selepas berlakunya kematian

(Williams-Hunt, 1954). Selepas upacara *Kenuyi Chichei* dipercayai jiwa si mati akan tinggal di alam selepas kematian yang dijaga oleh semangat penjaga dipanggil *To'Samin* untuk jiwa si mati lelaki manakala jiwa si mati perempuan pula akan dijaga oleh semangat penjaga bernama *Che Timah*. Semasa di alam selepas kematian, jiwa si mati dipercayai tidak makan tetapi hanya bermain dengan bunga-bunga (Williams-Hunt, 1954).

1.4.5 Kirk Endicott (1979)

Kirk Endicott menerusi karya berjudul *Batek Negrito Religion: The World View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia* terbitan tahun 1979 menumpukan kajian berhubung masyarakat Batek di Pahang dan Kelantan. Masyarakat Batek yang mengamalkan corak pengkebumian atas pokok adalah merupakan antara kumpulan masyarakat di Semenanjung Malaysia yang masih lagi mengamalkan tradisi budaya tersebut dengan jelas meskipun terdapat kumpulan masyarakat Orang Asli lain iaitu masyarakat Jahai dan Semai yang mempunyai tradisi yang sama pada masa lalu.

Bagi kumpulan masyarakat Orang Asli lain yang telah meninggalkan budaya pengkebumian pokok antara faktornya adalah disebabkan rasa kurang senang masyarakat luar terhadap tradisi seperti itu (Endicott, 1979). Salah satu sebab yang mendorong budaya ini dipertahankan oleh masyarakat Batek adalah berhubung dengan konsep kepercayaan mereka dengan kematian. Pengkebumian pokok adalah dianggap suatu yang ideal mengikut rasional masyarakat Batek kerana ia memudahkan jiwa bayang orang mati untuk keluar dari badan dan naik menuju ke

alam selepas kematian. Sebaliknya, jika mayat ditanam di dalam tanah maka ini akan menyebabkan jiwa bayang si mati terperangkap di tanah (Endicott, 1979).

Dalam kepercayaan masyarakat Batek, kematian seseorang ditentukan oleh *Tohan* iaitu apabila tempoh masa yang telah ditetapkan, maka *Tohan* akan mengambil semula jiwa seseorang itu (Endicott, 1979). Keputusan *Tohan* ini berhubung jangka hayat seseorang itu adalah muktamad dan tiada sesiapa pun yang dapat menghalang sesuatu kematian itu. Oleh sebab itu, apabila terdapat orang tua yang nazak, maka usaha untuk mencari bantuan perubatan bagi menyembuhkannya dilihat tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh disebabkan mereka percaya bahawa jangka hayat hidup ia telah habis atau dipanggil sebagai *habis umur* (Endicott, 1979).

Mayat masyarakat Batek dibungkus dengan menggunakan kain sarung. Kain pakaian berwarna merah dan hitam dilarang disebabkan warna ini merupakan warna lazim bagi harimau. Mayat turut dipakaikan dengan hiasan daun dan bunga seperti yang lazimnya dipakai dalam upacara tarian dan nyanyian. Hal ini bertujuan agar semangat yang akan mengambil jiwa bayang si mati dapat mengenal si mati (Endicott, 1979).

Mayat kemudiannya dibungkus dan digulungkan dalam tikar mengkuang. Pengusung kayu digunakan untuk mengusung mayat ke tapak pengkebumian. Masyarakat Batek biasanya memilih kawasan yang berjarak jauh dari penempatan dan jarang dilalui sebagai tapak pengkebumian. Lokasi pokok yang dipilih biasanya merupakan pokok yang mempunyai kayu keras serta yang mudah dipanjat (Endicott, 1979).

Pangkin pengkebumian dibina di atas pokok. Ia diperbuat daripada kayu sebagai rangkanya manakala belahan buluh atau kulit kayu pokok *tekel* pula dijadikan sebagai lantainya. Pondok dibina dengan terdapat bukaan pada bahagian yang menghala ke barat. Jambangan daun herba berbau harum dipanggil *hali ayam* diletakkan di pondok tersebut (Endioctt, 1979).

Mayat dibaringkan di atas pangkin dengan mukanya menghala ke arah barat. Barang kiriman seperti tembakau, pinang (*Arcea catechu*) dan daun sireh (*Piper betle*) diletakkan di samping badan mayat untuk bekalan si mati (Endicott, 1979). Barang kiriman bagi mayat lelaki lazimnya seperti sumpit, tabung damak, damak dan lembing yang berfungsi sebagai barang kenangan kerana sepertimana tanggapan mereka berhubung alam selepas kematian bahawa di sana tidak terdapat sebarang haiwan liar untuk diburu. Bagi mayat perempuan pula barang kirimannya seperti sikat buluh berdekorasi, seruling dan barang perhiasan diri. Turut diletakkan cawan buluh kecil yang mengandungi air rotan Melaka yang dipercayai mempunyai khasiat yang sama dengan *mun* yakni sejenis air embun yang terdapat pada semangat supernatural (Endicott, 1979).

Kemenyan turut dibakar dengan cara ditabur pada obor kayu dan kemudiannya asap dari kemenyan tersebut ditiup pada kepala mayat dan seterusnya dihalakan asap ke arah atas. Hal ini bertujuan bagi membolehkan untuk membawa jiwa bayang bersama asap tersebut kerana asap kemenyan salah satunya untuk memandu jiwa bayang pada laluan menuju ke alam selepas kematian (Endicott, 1979). Sebelum meninggalkan tapak pengkebumian, mereka perlu memotong empat kayu kecil yang berfungsi sebagai tangkal dan ditanam di sekeliling tapak pokok untuk mengelakkan gangguan harimau.

Pemisahan hubungan kehidupan antara orang yang hidup dengan orang yang mati dapat difahami menerusi larangan berkenaan menyebut nama sebenar si mati selepas berakhirnya pengkebumian. Hal ini kerana jika pantang tersebut dilanggar maka dipercayai jiwa si mati akan pulang semula ke dunia dan mencari orang yang menyebut namanya serta kemudiannya memicit jantung individu tersebut sehingga mati (Endicott, 1979). Dalam kepercayaan masyarakat Batek umumnya semua jiwa bayang orang mati akan pergi ke alam selepas kematian. Cuma bagi jiwa bayang individu yang meninggal dunia disebabkan *tolah* yakni suatu penyakit yang dihantar oleh *Tohan* sebagai hukuman atas pelanggaran pantang yang tidak pergi menuju ke alam selepas kematian. Hal ini adalah disebabkan semangat *superhuman* tidak mahu membawa dan memandu jiwa bayang individu ini dalam pengembaraannya (Endicott, 1979).

1.4.6 Muhammad Muzani Ahmad & Hamid Mohd Isa (2013)

Pengkaji ini mencatatkan pengkebumian masyarakat Jah Hut di Jerantut dan Temerloh, Pahang. Catatannya berjudul Tradisi Pengkebumian Masyarakat Jah Hut dari Sudut Etnoarkeologi yang diterbitkan menerusi Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu terbitan 2013 oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bagi masyarakat Jah Hut, lubang kubur digali pada kedalaman separas pinggang dengan lebarnya sekitar satu meter. Mayat lelaki dikebumikan dengan orientasi timur-barat iaitu kepala di timur dan kaki di barat manakala mayat

perempuan dengan orientasi barat-timur iaitu kepala di barat dan kaki di timur (Muzani & Hamid, 2013).

Perkara yang agak unik dalam tradisi pengkebumian masyarakat Jah Hut adalah berhubung dengan bentuk kubur mereka yang dipanggil *gabang palang* (Muzani & Hamid, 2013). Keunikannya dapat dilihat menerusi bentuk bahagian atas kuburnya yang berbentuk seperti piramid bertingkat. Terdapat perbezaan antara kubur lelaki dan perempuan yang ditentukan menerusi corak ukiran yang terdapat pada bahagian hujung empat batang kayu di bahagian atas kubur. Bagi kubur lelaki, corak ukirannya berbentuk silinder manakala kubur perempuan dengan corak ukiran berbentuk mendatar (Muzani & Hamid, 2013). Penanda kubur pula ditandai dengan nisan kayu yang diletakkan di bahagian tengah kubur.

Perigi di kubur dipercayai berfungsi sebagai kegunaan jiwa si mati untuk mandi dan sebagainya. Barang kiriman yang diletakkan di kubur pula dipercayai sebagai bekalan jiwa si mati di alam selepas kematian. Nyalaan unggun api dihidupkan bertujuan memberi suasana hangat kepada jiwa si mati selain untuk mengelakkan jiwa si mati dari pulang ke rumah dan mengganggu ahli keluarganya (Muzani & Hamid, 2013).

Dalam tempoh tujuh hari kematian dipercayai bahawa jiwa si mati masih lagi berada di dunia ini iaitu ia merupakan tempoh proses transisi jiwa si mati untuk menuju ke alam selepas kematian. Sepanjang tempoh tujuh hari ini juga merupakan tempoh berkabung iaitu terdapat larangan terhadap aktiviti sosial seperti menari, menyanyi, bersolek dan berhibur (Muzani & Hamid, 2013). Tempoh berkabung akhirnya ditamatkan pada hari ketujuh kematian dengan mengadakan upacara kenduri yang bertujuan meraikan pemergian jiwa si mati menuju ke tempat nenek

moyang. Namun begitu, pengkaji ini tidak melaporkan secara terperinci tentang upacara amal sebelum pengkebumian.

1.4.7 Geoffrey Benjamin (2014)

Catatan Geoffrey Benjamin menerusi karya terbitan tahun 2014 berjudul *Temiar Religion, 1964-2012: Enchantment, Disenchantment and Re-enchantment in Malaysia's Uplands* memberikan fokus kajian ke atas masyarakat Temiar. Beliau berkesempatan menyaksikan dua pengkebumian masyarakat Temiar iaitu pengkebumian kanak-kanak perempuan pada bulan Ogos 1964 dan pengkebumian lelaki dewasa di Kampung Cherber, Kelantan pada 23 November 1964.

Pengurusan kematian dimulakan dengan cara memandikan si mati (Benjamin, 2014). Kemudiannya badan si mati dipakaikan dengan pakaian dan berikutnya belahan buluh digunakan untuk membalut keseluruhan badan si mati. Setelah itu ia digantung pada alang kayu untuk memudahkan mayat dibawa ke tapak pengkebumian.

Lubang kubur digali dengan kedalaman sekitar satu meter dalam (Benjamin, 2014). Bahagian lantai kubur diletakkan dengan kayu. Kemudian belahan buluh diletakkan pada permukaan atasnya agar memastikan badan si mati tidak bersentuh dengan tanah dan seterusnya anyaman tikar diletakkan di bahagian atas. Sebelum kubur dikambus barang kiriman diletakkan bersama badan si mati yang juga merupakan barang peribadinya (Benjamin, 2014). Rokok, sireh dan tabung air buluh berikutnya diletakkan di bahagian kepala kubur (Benjamin, 2014).

Bagi mayat kanak-kanak dipercayai ia sering terdedah dengan gangguan pengikut *Karei* yang dipanggil sebagai *Wuuk*. *Wuuk* dipercayai mendatangi kubur

kanak-kanak untuk memakan dagingnya. Oleh itu, *halak* perlu menghidupkan api besar di pintu masuk kampung untuk menghalau *Wuuk* ini selain *halak* perlu juga membaca jampi khusus di sekeliling kampung sebagai pendinding (Benjamin, 2014).

Selanjutnya, pada masa lalu, apabila berlaku sesuatu kematian, kesemua rumah akan dibakar dan setiap orang kemudiannya berpindah membuka penempatan baru (Benjamin, 2014). Walau bagaimanapun, dari segi pemilikan pokok buah-buahan yang ditanam di kawasan penempatan yang ditinggalkan adalah masih bersifat peribadi iaitu masih lagi dimiliki oleh individu yang menanam pokok tersebut meskipun telah berpindah. Selain itu, ahli keluarga dan penduduk kampung perlu berkabung dengan mematuhi sejumlah pantang larang seperti larangan melakukan kegiatan hiburan yang melibatkan tarian dan nyanyian (Benjamin, 2014).

1.4.8 Hamid Mohd Isa, Amir Ahmad & Wan Nor Hafizan Wan Sulaiman (2015)

Pengkaji ini mencatatkan berhubung kepercayaan dan pengkebumian masyarakat Chewong di Temerloh, Pahang menerusi artikel berjudul Pemburu Pemungut Chewong: Satu Perspektif Sejarah dan Etnografi yang diterbitkan di dalam Jurnal Arkeologi Malaysia bilangan 28 pada tahun 2015. Bagi masyarakat Chewong mayat perlu ditunggu agar tidak ada sesiapa yang melangkahnya bagi mengelakkan jiwa si mati berasa marah. Mayat dimandikan di tapak pengkebumian bertujuan mengelakkan jiwa si mati mengganggu di kawasan penempatan (Hamid *et.al*, 2015).

Mayat dibawa ke tapak kubur dengan menggunakan usungan buluh manakala bagi mayat kanak-kanak, ia digendong oleh ibunya dengan menggunakan ikatan kain batik. Mayat dipakaikan dengan pakaian dan kemudiannya diselimuti tubuhnya

dengan menggunakan kain batik. Pada masa dahulu terdapat pakaian khusus yang dipakaikan kepada mayat dipanggil *cengkai* diperbuat daripada kulit kayu kepong (*Shorea ovalis*). Pakaian *cengkai* ini dijampi khusus oleh bomoh agar semangat baik sentiasa bersama jiwa si mati (Hamid *et.al*, 2015).

Kubur masyarakat Chewong berbentuk seperti busut yang digali pada kedalaman separas pinggang. Pada dasar lubang kubur diletakkan tikar mengkuang (*Pandanus atrocarpus*) sebagai alas atau menggunakan kulit kayu kepong. Mayat diarak di sekeliling permukaan lubang kuburnya sebanyak tujuh kali sebelum dikebumikan. Badan mayat diletakkan secara mengiring ke arah utara manakala bahagian kepalanya diletakkan di posisi barat dan kakinya di posisi timur. Kesemua barang kiriman dibungkus dengan menggunakan kain batik (Hamid *et.al*, 2015).

Pondok didirikan dengan menggunakan atap daripada daun cacoh (*Calamus castaneus*), bertam (*Eugeissona fristis*) atau salak (*Salacca edulis*). Pondok ini berfungsi untuk melindungi jiwa si mati daripada keadaan panas dan hujan. Pondok ini perlu dijaga dengan baik selama tujuh hari disebabkan tempoh masa tersebut merupakan tempoh keadaan jiwa si mati yang menjalani proses transisi menuju ke tempat berhimpunnya nenek moyang (Hamid *et.al*, 2015).

Kemudiannya, unggun api dinyalakan untuk memberikan hawa panas kepada jiwa si mati selain untuk menghindarkan haiwan liar dari menghampiri kubur. Tempoh berkabung selama tujuh hari iaitu suatu tempoh masa yang berkesinambungan dengan keadaan jiwa si mati yang sedang berada dalam proses transisi menuju ke alam tempat berhimpunnya nenek moyang (Hamid *et.al*, 2015). Selama tempoh berkabung, hiburan seperti sewang dan memburu adalah dilarang.